

## TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN KETUA PANITIA PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DI DAERAH SEMPORNA

Ag Ruzaini Ag. Ali Omar

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan,  
Universiti Malaysia Sabah,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

<sup>2</sup>Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul,  
91308 Semporna, Sabah.

tammali\_maak87@yahoo.com

### Article History:

Submit:

Accepted:

Revised:

Published:

*Online Multidisciplinary Journal of Education (OMJE)*

*Vol. 2, No. 1 (2017)*

### Abstrak

Isu tekanan kerja dalam kalangan guru di Malaysia bukanlah satu perkara baharu dalam konteks pendidikan massa. Namun, kajian terhadap tekanan kerja dalam kalangan Ketua Panitia mata pelajaran di sekolah rendah tidak pernah dilakukan sebelum ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam berkenaan tekanan kerja dalam kalangan Ketua Panitia Pendidikan Islam Sekolah Rendah di daerah Semporna. Fokus kajian akan merujuk kepada jenis-jenis tekanan, faktor-faktor yang menyebabkan tekanan dan kesan-kesan yang berlaku akibat tekanan kerja ini. Jumlah informan yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai tiga orang. Pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian telah digunakan bagi memperoleh data yang diperlukan. Hasil dapatan telah dianalisis dan ditranskripkan bagi memudahkan proses koding. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa isu tekanan kerja dalam kalangan Ketua Panitia Pendidikan Islam ini adalah satu isu nyata dan memerlukan langkah pemulihan segera. Hal ini kerana, jika isu ini tidak ditangani dengan sistematik, berkemungkinan boleh menjejaskan tahap produktiviti dan profesionalisme guru. Penyelidik mencadangkan agar kajian ini diperluaskan lagi pada masa akan datang serta melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam dunia pendidikan negara.

**Kata kunci:** tekanan kerja, Ketua Panitia Pendidikan Islam, sekolah rendah, kajian kualitatif

### Abstract

*Work pressure issue among teachers in Malaysia neither a new business in mass education context. However, study towards work pressure among subject of Chief Committee Panel at Primary School never been carried out earlier. Therefore, this issue aim to study profoundly on work pressure among Islamic Education Chief Committee Panel in Primary School in Semporna district. Study focus will refer to pressure types, factors which causing pressure and effects which occurred due to this work pressure issue. There are three Islamic Religious Teacher involved in this study field. Qualitative study approach that conduct interview method and observation has been used to gain data needed. Retrieval result have been analysed and transcript to facilitate coding process. Consequently, this study had showed that work pressure issue among Islamic Education Panel is a real issue and quick recovery is needed. However, if this issue can't be handle systematically, it is likely can affect levels of productivity and teachers' professionalism researcher propose so that this study should be widened further in future as it involves parties that are important in world of the country's education.*

**Keywords:** work pressure, Islamic Education Chief Committee Panel, primary school, qualitative study

## 1.0 PENGENALAN

Di dalam ucapan dasar Yang Berhormat (YB) Datuk Seri Mahadzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia di dalam Konvensyen Pendidikan Kebangsaan ke-21 dan Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke-33 Gabungan Guru Besar Malaysia (GMGBM) pada 11 Ogos 2015 telah membuka mata warga pendidik dan masyarakat Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sedang berusaha mengatasi masalah beban kerja yang ditanggung oleh 420 000 orang guru di seluruh negara.

Situasi yang sudah lama menjadi polemik dalam institusi pendidikan negara ini telah menunjukkan bahawa tugas guru bukanlah perkara mudah. Menurut Shamsudin Haron et al. (2000) di dalam Mohd Fitri (2006), guru dilabelkan sebagai golongan pakar dalam segala bidang. Persepsi ini telah meletakkan tanggung jawab yang besar kepada guru untuk memastikan kemenjadian murid bukan sahaja dalam aspek pendidikan bahkan dalam konteks pembangunan potensi individu secara holistik.

Tekanan kerja yang dihadapi oleh warga guru bukan hanya tertumpu kepada tugas mendidik di dalam bilik darjah semata-mata. Bahkan guru terpaksa berhadapan dengan masalah disiplin murid yang semakin meruncing dan kerja-kerja pengkeranian yang menuntut masa yang banyak. Faridah dan Zubaidah (1999) turut merumuskan antara penyebab motivasi guru menurun untuk menjalankan tugas utama mereka ialah reformasi yang berlaku dalam pendidikan yang memerlukan kesediaan guru untuk mengadaptasi pembaharuan.

Menurut Dunham (1992) di dalam Norashid (2014), terdapat lima faktor utama yang menyebabkan berlakunya tekanan kerja guru iaitu salah laku pelajar, beban tugas, keperluan mendapatkan penghargaan, kekangan masa dan sumber serta isu hubungan interpersonal. Keadaan ini juga berlaku di Malaysia berdasarkan beberapa dapatan kajian yang telah dilakukan. Kesan daripada tekanan kerja yang dihadapi guru ini menyebabkan tugas yang diberikan tidak dapat dijalankan dengan baik dan akhirnya menjejaskan motivasi mereka. Kesan buruk ini turut diakui oleh Zubaidah (1999), yang mendapati pelaksanaan kerja tanpa mengikut bidang tugas utama mempengaruhi keletihan emosi guru yang akhirnya memberi impak kepada kualiti kerja mereka.

## 2.0 LATAR BELAKANG / PERNYATAAN MASALAH

Guru merupakan individu penting yang berperanan besar dalam membentuk generasi masa depan yang seimbang. Pelbagai usaha dan komitmen kerja yang amat tinggi dalam merealisasikan murid-murid yang berprestasi tinggi dalam konteks pendidikan dan sahsiah. Tuntutan ini terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Guru (1982), yang mensasarkan guru perlu berpekererti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, progresif, demokratik dan berdisiplin.

Tugas guru pada hari ini dapat diklasifikasikan kepada dua bidang utama iaitu tugas akademik dan tugas bukan akademik. Tugas akademik meliputi tugas melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, memberikan dan memeriksa tugas murid serta menyediakan set ujian dan peperiksaan bagi mengukur pencapaian murid. Manakala tugas bukan akademik yang sering menjadi isu kepada tahap motivasi dan keberkesanan penghayatan guru ialah urusan pentadbiran, pengurusan hal ehwal murid dan penglibatan dalam kokurikulum. Perkara ini turut menjadi kerangka kajian Norashid dan Hamzah (2014).

Kajian ini akan merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Nelms (1993) yang menyatakan bahawa guru sepatutnya mempunyai peruntukan masa selama 50 jam sahaja dalam seminggu walaupun peruntukan ini tidak cukup untuk menyelesaikan semua tugas mereka. Guru juga sepatutnya tidak dibebani dengan tugas pada sebelah petang dan hujung minggu kerana guru juga memerlukan masa bersama keluarga dan keperluan peribadi (Butt dan Lance, 2005).

Tugas guru menjadi semakin padat apabila banyak tugas baharu yang perlu dilaksanakan selain daripada mengajar. Guru juga perlu menyelesaikan tugas persatuan, panitia, kelab dan gerak kerja luar sekolah yang sentiasa ada tanpa mengira masa. Mereka juga perlu berhadapan dengan salah laku murid yang semakin meruncing di samping perlu memenuhi hasrat ibu bapa dan sekolah untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Situasi ini diakui oleh Profesor Nor Zuraida Zainal, Pakar Perunding Kanan Psikiatri, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) sebagai punca utama kepada peningkatan peratusan guru ke wad sakit jiwa pada tahun 2012. Daripada 22 000 orang pesakit jiwa pada tahun tersebut, dianggarkan 10% daripada jumlah tersebut adalah kalangan guru.

Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini turut memberikan impak kepada motivasi guru. Pengenalan aplikasi atas talian (*online*) oleh pihak kementerian turut memberikan tekanan dan menjejaskan motivasi guru dalam tugas utama mereka. Aplikasi seperti Aplikasi Sistem Maklumat dan Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), Sistem Pengurusan Latihan Guru (e-SPLG), Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS), e-Pangkat dan beberapa modul atas talian lain telah mendapat pelbagai reaksi daripada warga guru seluruh Malaysia. Bukan sahaja berhadapan dengan masalah sistem jaringan yang tidak efisien bahkan menjejaskan produktiviti guru.

Menurut Daeng Ramli Akil (1993), terdapat empat faktor major yang menyebabkan guru berasa tertekan dengan amalan profesional mereka. Antaranya ialah pengagihan tugas yang tidak seimbang antara guru-guru, sikap pentadbir yang pilih kasih dan tidak adil terhadap guru-guru tertentu, beban tugas baharu yang diberikan oleh pihak atasan dan tugas sampingan yang diberi secara mendadak. Permasalahan ini akan menyebabkan guru hilang motivasi untuk meningkatkan tahap kualiti profesionalismenya. Tekanan-tekanan tugas ini menyebabkan guru tidak dapat memberikan fokus kepada bidang tugas asas mereka.

## 2.1 Persoalan Kajian

- 2.1.1 Apakah jenis-jenis tekanan kerja yang dihadapi oleh Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Semporna?
- 2.1.2 Apakah faktor-faktor penyebab yang menyebabkan berlaku tekanan kerja yang dihadapi oleh Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Semporna?
- 2.1.3 Apakah kesan-kesan tekanan yang ditunjukkan oleh Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Semporna?

## 2.2 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian yang dijelaskan ialah :

- 2.2.1 Mengenal pasti jenis tekanan yang dihadapi oleh Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Semporna.
- 2.2.2 Mengenal pasti faktor penyebab yang menyebabkan berlaku tekanan kerja yang dihadapi oleh Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Semporna.
- 2.2.3 Menganalisis kesan yang timbul akibat tekanan yang dihadapi Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah rendah daerah Semporna.

## 2.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi pihak Ketua Panitia Pendidikan Islam, guru-guru Pendidikan Islam, pihak pentadbir dan pihak pembuat dasar.

### 2.3.1 Ketua Panitia Pendidikan Islam

Kajian ini memberikan fokus kepada tekanan kerja yang dihadapi oleh golongan sasaran kajian iaitu Ketua Panitia Pendidikan Islam pada masa kini. Tugas yang dijalankan oleh golongan ini bukanlah sedikit dan satu perkara yang mudah. Bidang tugas Ketua Panitia bukan sahaja memberikan tumpuan kepada menyediakan sistem fail yang rencam, bahkan perlu merancang pelan strategik yang kompleks, pengurusan peningkatan akademik serta pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam masa yang sama (Haliza, 2013). Melalui kajian ini, masalah-masalah yang dikenal pasti dapat membantu mengenal pasti tekanan kerja yang dihadapi dan sejauh mana boleh mempengaruhi tahap motivasi kerja mereka.

### 2.3.2 Guru-Guru Pendidikan Islam

Kajian ini juga memberikan manfaat kepada warga guru khususnya opsyen Pendidikan Islam di daerah Semporna. Walaupun golongan sasaran kajian ialah dalam kalangan Ketua Panitia sahaja, namun amatlah diharapkan berdasarkan hasil kajian yang diperolehi kelak akan membantu warga pendidik opsyen ini agar menjadikan hasilnya sebagai panduan bidang kerja yang tersusun, sistematik dan sekaligus meminimumkan masalah tekanan kerja. Hala tuju kajian ini sudah pasti akan menjadi panduan kepada mereka agar lebih bersedia dan melengkapkan diri dalam ilmu profesion perguruan agar dapat menyesuaikan diri dengan tugas-tugas yang disandang oleh mereka di sekolah.

### 2.3.3 Pihak pentadbir sekolah

Dari sisi berbeza, kajian ini juga dapat memberikan faedah kepada pihak sekolah khususnya kepada Guru Besar. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang menunjukkan tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru adalah turut berpunca daripada gaya kepimpinan pengurus sekolah. Dalam hal ini, Guru Besar perlu memastikan urusan pembahagian tugas di sekolah dapat diagihkan dengan adil di samping membuat


pertimbangan kepada pengkhususan, kemahiran dan kesanggupan seseorang guru itu memegang tugas yang diberikan kepadanya.

### 2.3.4 Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini juga amat berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar dapat menstrukturkan semula tugas-tugas guru dengan memberikan fokus kepada bidang pembangunan pendidikan selaras dengan hasrat melahirkan sistem pendidikan bertaraf dunia. Satu langkah proaktif juga dapat dilakukan oleh pihak kementerian bagi memantapkan sistem kurikulum perguruan sama ada di Institut Pendidikan Guru mahupun di universiti-universiti. Kajian ini akan memberikan gambaran jelas rintihan dan bebanan tugas guru yang semakin meruncing di samping melaksanakan pelan pemulihan kepada sistem sedia ada.

## 2.4 Kerangka Konsep

Dalam kajian ini, satu kerangka konsep akan dijadikan sebagai panduan bagi melihat perkaitan yang relevan berkaitan dengan tekanan kerja dan motivasi guru dalam budaya kerja dengan memberikan fokus kepada ketua-ketua Panitia Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Semporna. Di dalam kajian ini, tekanan kerja guru di sekolah rendah daerah Semporna sebagai perkara fokus yang diperhatikan dan akan dihubungkan dengan motivasi kerja mereka. Beban tugas guru pula dipecahkan kepada dua bentuk iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik. Beban tugas akademik akan merujuk kepada tugas-tugas utama guru iaitu berkaitan dengan persediaan rancangan pengajaran harian, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta membuat refleksi sendiri setelah selesai menjalankan sesi pengajaran. Manakala bagi tugas bukan akademik lebih merujuk kepada hal-hal pengurusan panitia, pentadbiran, hal ehwal murid serta pengurusan kokurikulum.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

## 3.0 SOROTAN KAJIAN / KAJIAN LITERATUR

Di dalam kajian ini, penyelidik akan membuat perkaitan dengan beberapa teori pembelajaran yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh pendidikan. Pemilihan teori-teori ini adalah bersandarkan kepada kandungan dan kerangka konsep yang menepati fokus kajian.

### 3.1 Teori Motivasi Manusia (1993)

Nelms (1993) menyatakan bahawa guru sepatutnya menetapkan masa bekerja mereka selama 50 jam sahaja dalam seminggu walaupun masa itu memang tidak cukup untuk menyelesaikan kesemua tugas mereka. Guru sepatutnya tidak dibebani dengan tugas berkaitan sekolah pada sebelah petang dan hujung minggu kerana guru juga memerlukan masa untuk keluarga dan keperluan peribadi, namun keadaan ini masih berterusan sehingga kini. Menurut kajian dari Butt dan Lance (2005) mendapati 96% guru bekerja pada waktu petang dan 90% guru bekerja pada hujung minggu. Kajian ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Gunter et al. (2005) juga mendapati 95% guru bekerja pada waktu petang selepas waktu persekolahan dan hujung minggu.

Menurut Teori Motivasi Manusia yang diasaskan oleh Frederick Herzberg pada tahun 1966 dengan menghuraikan motivasi manusia dalam dunia pekerjaan mereka. Herzberg telah membentuk teori dwi faktor motivasi (*two-factor theory of motivation*). Kajian ini dilakukan terhadap motivasi pengurus dan pekerja tentang masa dan situasi yang memberi rangsangan untuk bekerja dengan lebih kuat serta masa dan situasi yang menimbulkan kurangnya motivasi untuk bekerja. Kajian ini mendapati lima faktor yang mempengaruhi motivasi seseorang untuk bekerja ialah pencapaian, pengiktirafan, suasana kerja, kemajuan serta tanggungjawab. Manakala faktor yang menyebabkan kurangnya motivasi untuk bekerja ialah penyeliaan, gaji dan imbuhan, suasana di tempat kerja dan hubungan sosial antara sesama pekerja.

### 3.2 Teori Pelbagai Sumber (1984)

Chris Wickens (1984) adalah pengasas Teori Pelbagai Sumber menyatakan bahawa sesuatu beban tugas tidak akan terhasil jika hanya ada satu sahaja pemprosesan sumber, beban tugas akan terhasil jika terdapat banyak pemprosesan sumber dan ianya berlaku secara serentak. Pemprosesan sumber ada kaitannya dengan komponen visual, kognitif, auditori dan psikomotor. Contohnya, jika kita ingin membuat panggilan telefon, proses mendail melibatkan komponen kognitif, iaitu mengingat nombor telefon, komponen visual melibatkan pengguna melihat nombor pada butang kekunci, komponen psikomotor pengguna menekan butang kekunci dengan menggunakan jari manakala komponen auditori pula terjadi bila pengguna mendengar nada bagi setiap butang kekunci yang ditekan. Teori ini menunjukkan bahawa jika beban tugas bertambah maka pencapaian serta produktiviti mungkin akan rendah.

### 3.3 Teori Tekanan Hobb (1972)


Teori ini menghuraikan hubungan antara prestasi guru dengan tuntutan yang dialaminya (Dunham, 1992). Hobb (1972; dalam Dunham 1992) mengatakan bahawa kerja tanpa sebarang tuntutan akan membawa kepada kebosanan. Justeru itu, tuntutan kerja yang meningkat akan dikira sebagai merangsangkan dan '*energising*'. Namun begitu, jika tuntutan-tuntutan ini melebihi keupayaan individu untuk bertindak balas terhadapnya, ini akan mewujudkan tahap kebimbangan yang tinggi, tahap '*concentration*' yang lemah dan kurang berkesan dalam kerjanya. Menurut Dunham lagi tuntutan yang berterusan, tanpa pertambahan sumber bertindak balas, akan membawa kepada kelesuan, keletihan dan kelayuan.

Robbins (1993) berpendapat bahawa faktor-faktor organisasi, ekonomi dan individu adalah merupakan sumber-sumber yang berpotensi dalam menimbulkan tekanan. Faktor ekonomi termasuklah ketidaktentuan ekonomi, politik dan sosial. Sementara faktor organisasi merangkumi aspek tuntutan-tuntutan kerja, peranan interpersonal, struktur organisasi dan kepimpinan organisasi. Penekanan semua aspek ini mewujudkan pengalaman tekanan dalam kalangan individu. Jika individu tidak berjaya menangani tekanan tersebut, maka individu akan mengalami petanda fisiologi dan petanda tingkah laku. Petanda fisiologi termasuklah sakit kepala, tekanan darah tinggi dan sakit jantung. Petanda psikologi pula merangkumi aspek kebimbangan, ketegangan dan kekurangan kepuasan kerja sementara petanda tingkah laku pula termasuk produktiviti yang rendah dan ketidakhadiran bekerja.

Marshall dan Cooper (1979), turut mengemukakan teori mereka terhadap tekanan iaitu tekanan dikatakan berpunca dari faktor-faktor persekitaran dan individu. Faktor persekitaran di sini merangkumi aspek perhubungan, intrinsik pekerjaan, struktur dan iklim organisasi. Komponen perhubungan mencakupi aspek hubungan dengan pihak atasan dan pekerja dengan rakan sekerja. Faktor struktur dan iklim organisasi pula merangkumi aspek kurang penglibatan, komunikasi yang kurang baik dan tidak ada rasa kepunyaan. Penekanan ini akan mendatangkan tekanan kepada pihak berkenaan sekiranya mereka gagal untuk bertindak mengawal tekanan tersebut. Ketegangan yang berlarutan akan membawa kepada masalah kesihatan fizikal dan masalah kesihatan mental. Masalah kesihatan adalah seperti kenaikan kadar nadi, tekanan darah tinggi, paras kolesterol yang tinggi serta penyakit jantung. Masalah kesihatan mental pula termasuklah kurang motivasi, emosi tertekan, tiada kepuasan kerja dan kurang aspirasi.

### 3.4 Kerangka Teoritikel

Satu kerangka teoritikel akan dijadikan sebagai panduan bagi melihat hubung kait antara fokus utama penyelidikan, iaitu isu tekanan kerja dalam kalangan Ketua Panitia Pendidikan Islam sekolah Rendah daerah Semporna mengikut kata kunci soalan kajian (jenis, faktor penyebab dan kesan daripada tekanan kerja). Persoalan kajian ini akan diperkukuhkan dengan teori-teori penting yang berkaitan.



Rajah 1.2 : Kerangka Teoritikel

#### 4.0 RUJUKAN

- Abang Mat Ali bin Abang Masagus. 1998. *Strategi Menangani Tekanan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Zon A Di Bahagian Kuching / Samarahan, Sarawak: Satu Tinjauan* (Tesis Sarjana). Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Abdul Shukor Shaari, Abd. Rahim Romlee dan Mohamad Yazid Kerya. 2006. Beban Tugas Guru Sekolah Rendah. *Seminar Kebangsaan Kepimpinan Dan Pengurusan Sekolah*. 12-14 Februari. Alson Kelana Resort, Seremban.
- Abdul Shukor Abdullah. 1991. *Pengurusan Organisasi: Perspektif, Pemikiran dan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahya. 2006. *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Amir. Hassan. Dawi. 2006. *Pentoeorian Sosiologi dan Pendidikan*. Quantum Books : Tanjung Malim.
- Atan Long. 1986. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Butt, G, dan Lance, A. 2005. *Secondary Teacher Workload and Job Satisfaction*. Educational Management Administration and Leadership. 33(4) : 401-422.
- Dunham, J. 1992. *Stress In Teaching, 2 nd. Ed.* London and New York : Routledge.
- Ee Ah Meng. 1997. *Amalan Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Syarikat Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faridah Karim dan Zubaidah Aman. 1999. *Peramal Burnout Di Kalangan Guru, Faktor Latar Belakang, Tekanan Di Peringkat Organisasi dan Sokongan Sosial*. Jurnal Pendidikan. (4) : 13-23.
- Farrant. J.S. 1977. *Prinsip dan Amali Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Shukri Abdullah. 2007. *Bahasa Melayu, Apa Sudah Jadi*. Batu Caves : PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jazmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Amalan Islam Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015)*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kuala Lumpur.
- Khairul Anwar Mastor, Firdaus Mohamad Hamzah, Ramlee Mustapha, Nik Rusdi Yacob & Khamisah Jaafar. 2006. *Kajian Perbandingan Tabap Kesesuaian, Komitmen, Gaya Pembelajaran Dan Prestasi Akademik Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Kurikulum Bukan OBE Dan OBE*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fitri Sahhari. 2004. *Tabap Beban Tugas Guru Sekolah Menengah di Daerah Skudai : Kajian Kes*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar 2003. *Reka bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Saudi Abd. Rahman. 1999. *Beban Tugas Guru Di Kalangan Guru Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Nelms, B.F. 1993. *The Arithmetics of Teacher Workloads*. English Journal. 82(2) : 92-93.
- Norashid Othman dan Hamzah Md. Omar. 2014. *Beban Tugas dan Motivasi Pengajaran Guru di Sekolah Menengah Daerah Ranau*. Jurnal Pemikir Pendidikan. Vol. 5, pp. 35-57, ISSN 1985-3637. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.
- Peter Songan dan Narawi bin Udin. 2002. *“Tabap dan Punca Stres Kerja Di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah Di Sarawak”*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia : Jilid 4, 1-17
- Raminah Hj. Sabran. 2014. *Spot On, Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Edisi Kedua*. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sapora Sipon. 2001. Pendidikan Prasekolah Berkualiti : Cabaran Dan Realiti. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah, Anjuran Yayasan Sabah & Universiti Malaysia Sabah*, Hotel Promenade , Kota Kinabalu Sabah.
- Shahbudin Ngah. 1986. *Satu Kajian Mengenai Tugas guru Di dua Buah Sekolah Menengah Di Daerah Muar*. *Jobor. Kajian Ilmiah* , Universiti Malaya.
- Siti Rodziah Md. Sais. 1982. *Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Ketegangan serta Kesannya Ke Atas Guru Di Sekolah Di Kajang. Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rohani Md. Sharif. 1991. *“Pengaruh Faktor Sekolah Ke Atas Tekanan Guru”*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Zakiah Arshad. 2003. *Stress Kerja Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah: Satu Kajian Di Zon Bandar, Kota Tinggi, Jobor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.